

Bil. S 13

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH TEMBAKAU, 2005

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

KAWALAN PRODUK TEMBAKAU

3. Larangan ke atas pembawaan masuk dan penjualan produk tembakau.
4. Jumlah rokok dalam bungkusan.
5. Larangan ke atas penjualan dengan mesin layan diri.
6. Larangan ke atas penjualan produk tembakau tiruan.
7. Larangan ke atas promosi jualan.
8. Larangan ke atas tajaan dll.
9. Larangan ke atas pembekalan kepada orang-orang yang berumur 18 tahun ke bawah.
10. Kawalan merokok dll. oleh orang-orang yang berumur 18 tahun ke bawah.
11. Notis larangan.
12. Kuasa untuk melesenkan pengimport dll.
13. Amaran kesihatan dan pelabelan.

BAHAGIAN III

MEROKOK DI TEMPAT TERTENTU DAN KENDERAAN TERTENTU

14. Larangan merokok.
15. Notis larangan.
16. Kewajipan-kewajipan pengurus dan pengendali.

BAHAGIAN IV

KAWALAN IKLAN

17. Larangan ke atas iklan yang berkaitan dengan merokok.
18. Pembelaan.
19. Kesalahan-kesalahan oleh pemilik dan penghuni.
20. Anggapan berkenaan dengan dokumen bercetak.
21. Iklan dalam suratkhabar yang disiarkan di luar Negara Brunei Darussalam.
22. Iklan yang tidak dikecualikan.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

23. Lantikan pegawai yang diberi kuasa.
24. Kuasa polis dan pegawai yang diberi kuasa.
25. Kuasa untuk memasuki dll.
26. Kuasa untuk menghendaki supaya produk tembakau diuji atau dianalisa dan memberikan maklumat.
27. Notis ujian dan cadangan untuk mendakwa.
28. Perlucutan hak.
29. Menghalang pegawai.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BAHAGIAN VI

AM

30. Kesalahan-kesalahan oleh badan korporat.
 31. Komposisi kesalahan.
 32. Kekebalan dari guaman.
 33. Batasan liabiliti.
 34. Borang-borang.
 35. Pengecualian.
 36. Peraturan-peraturan.
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH TEMBAKAU, 2005

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Tembakau, 2005 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk melarang iklan-iklan berkenaan dengan merokok, untuk mengawal penggunaan produk tembakau, untuk mengawal penjualan, promosi, pembungkusan dan perihalan perniagaan produk tembakau, untuk melarang merokok di tempat-tempat dan kenderaan-kenderaan tertentu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubung dan bersampingan dengannya".

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"iklan" termasuk sebarang notis, surat keliling, risalah, brosur, program, senarai harga, label, pembungkus atau dokumen lain dan sebarang penghebahan, pemberitahuan atau pengumuman, kepada orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai atau kepada mana-mana orang yang dibuat —

(a) secara lisan atau bertulis;

(b) melalui sebarang poster, pelekat, notis atau dokumen lain yang dilekatkan, ditampalkan atau dipamerkan pada mana-mana dinding, billboard atau papan iklan atau pada mana-mana benda atau barang lain;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(c) dengan cara mengeluarkan atau menghantar bunyi atau cahaya dan sama ada bagi penerimaan aural atau visual atau kedua-duanya;

(d) melalui apa-apa tulisan pada mana-mana kenderaan atau mana-mana benda atau barang lain; atau

(e) dengan apa jua cara lain pun;

"pegawai yang diberi kuasa" bermakna mana-mana orang yang dilantik di bawah ceraian (1) bab 23;

"rokok" bermakna sebarang produk yang mengandungi seluruhnya atau sebahagiannya tembakau yang dipotong, dicarik atau dikilang, atau apa-apa terbitan atau pengganti tembakau, yang digulung di dalam kertas, daun tembakau atau bahan lain dan yang dalam bentuk yang boleh digunakan serta-merta untuk merokok;

"Ketua Pengarah" bermakna Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan;

"produk tembakau tiruan" bermakna mana-mana produk yang disebut dalam ceraian (1) bab 6;

"pengurus", berkenaan dengan suatu bangunan tertentu, termasuk mana-mana pemilik, penghuni, pemajak atau orang yang bertanggungjawab terhadap pengurusan bangunan itu atau menjaga atau mengawalnya, dan termasuk seseorang penolong pengurus atau penyelia dan mana-mana orang yang memegang sesuatu jawatan seakan-akan sama dengan jawatan pengurus, penolong pengurus atau penyelia;

"Menteri" bermakna Menteri Kesihatan;

"suratkhabar" termasuk sebarang majalah, jurnal, terbitan berkala atau sebarang terbitan lain yang mengandungi berita, risikan, maklumat atau laporan mengenai kejadian-kejadian, atau sebarang pendapat, pemerhatian atau ulasan sama ada berkenaan dengan berita, risikan, maklumat atau kejadian-kejadian tersebut atau sebarang perkara lain yang menjadi minat orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai, yang dikeluarkan dalam mana-mana bahasa pada selangan waktu yang tetap atau tidak tetap;

"pengendali", berkenaan dengan sesebuah kenderaan tertentu, bermakna mana-mana pemilik, konduktor tiket atau pemandu pelancong, pemandu, pemeriksa tiket atau orang yang bertanggungjawab terhadap atau mengawal kenderaan tertentu itu;

"kenderaan perkhidmatan awam" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam ceraian (1) bab 2 dari Akta Lalulintas Jalan Raya (Penggal 68);

"menerbitkan", berkenaan dengan sesuatu iklan, termasuk mengeluarkan, menunjukkan, memperagakan, mempamerkan atau mengumumkan sesuatu iklan dengan apa jua cara pun;

"merokok" bermakna menyedut dan mengeluarkan asap tembakau atau sebarang bahan lain dan termasuk memegang apa jua cerut, rokok, paip atau apa-apa bentuk lain produk tembakau yang bernyala dan mengeluarkan asap;

"tempat tertentu" bermakna mana-mana premis atau bangunan atau mana-mana bahagiannya sebagaimana yang ditentukan dalam suatu pemberitahuan yang dibuat di bawah ceraian (1) bab 14;

"kenderaan tertentu" bermakna mana-mana kenderaan perkhidmatan awam atau mana-mana bahagiannya sebagaimana yang ditentukan dalam suatu pemberitahuan yang dibuat di bawah ceraian (1) bab 14;

"tembakau" bermakna daun dari tumbuhan *Nicotiana Tobacum* atau tumbuhan-tumbuhan lain yang berkaitan, dan mana-mana produk yang diperolehi darinya;

"produk tembakau" bermakna suatu rokok, cerut atau apa-apa bentuk lain tembakau termasuk sebarang campuran yang mengandungi tembakau;

"iklan produk tembakau" bermakna sebarang iklan —

(a) yang mengandungi sebarang dorongan, saranan atau permintaan yang nyata atau tersirat untuk membeli atau menghisap sebarang produk tembakau;

(b) berkenaan dengan merokok yang dikira, dengan nyata atau tersirat, membawa, mendorong, menggesa, mempromosi atau menggalakkan penggunaan sebarang produk tembakau bagi maksud merokok; atau

(c) yang menyebut, menerangkan atau memaparkan —

(i) nama atau nama perniagaan mana-mana orang yang ada kaitan atau berkenaan dengan pengilangan, pengedaran atau pemasaran sebarang produk tembakau;

- (ii) suatu nama jenama bagi atau tanda perniagaan berkenaan dengan sebarang produk tembakau; atau
- (iii) sebarang alat bergambar yang biasanya dikaitkan dengan suatu nama jenama bagi atau tanda perniagaan berkenaan dengan sebarang produk tembakau;

"mesin layan diri" bermakna suatu mesin atau peranti yang dibuat untuk mengisi produk tembakau dan yang boleh menjual secara automatik sebarang produk tembakau setelah sebarang wang kertas, duit syiling, token atau benda yang serupa dimasukkan ke dalam mesin atau peranti tersebut.

BAHAGIAN II

KAWALAN PRODUK TEMBAKAU

Larangan ke atas pembawaan masuk dan penjualan produk tembakau.

3. (1) Tiada sesiapa pun boleh membawa masuk, menjual atau menawarkan untuk jualan —

(a) sebarang tembakau kunyah; atau

(b) produk tembakau lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Menteri, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, yang dimaksudkan, dilabel atau diperihalkan sebagai sesuai untuk dihisap, dikunyah atau sebarang kegunaan oral selain dari merokok.

(2) Tiada sesiapa pun boleh membawa masuk, menjual atau menawarkan untuk jualan sebarang rokok yang mengandungi —

(a) suatu hasil yang melebihi 1.3 miligram nikotina bagi setiap batang rokok atau amaun minimum lain sebagaimana yang mungkin dengan perintah ditetapkan oleh Menteri; atau

(b) suatu hasil yang melebihi 15.0 miligram tar (bahan kondensasi tanpa asap nikotina) bagi setiap batang rokok atau amaun minimum lain sebagaimana yang mungkin dengan perintah ditetapkan oleh Menteri.

(3) Dengan tidak menghiraukan ceraian (2), tiada sesiapa pun boleh membawa masuk, menjual atau menawarkan untuk jualan sebarang produk tembakau yang mengandungi atau yang pengeluarannya mengandungi, sebarang bahan yang melebihi amaun sebagaimana yang mungkin dengan perintah ditetapkan oleh Menteri bagi bahan itu.

(4) Ceraian-ceraian (1), (2) dan (3) tidak dikenakan kepada sebarang produk tembakau yang dibawa masuk yang dimaksudkan untuk dieksport semula.

(5) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1), (2) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(6) Dalam ceraian (3), "pengeluaran" bermakna sebarang bahan yang dikeluarkan apabila suatu produk tembakau digunakan.

Jumlah rokok dalam bungkusan.

4. (1) Tiada sesiapa pun boleh —

(a) menjual atau menawarkan untuk jualan rokok secara runcit; atau

(b) membenarkan penjualan atau tawaran untuk menjual rokok secara runcit,

kecuali dalam suatu bungkusan yang mengandungi tidak kurang dari jumlah rokok yang ditetapkan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

(3) Dalam ceraian (1) —

"bungkusan" —

(a) bermakna mana-mana kotak, karton atau bekas lain di mana rokok-rokok dibekalkan oleh pengilang atau pengimport rokok-rokok tersebut bagi maksud untuk dijual secara runcit; dan

(b) termasuk, dalam hal jika bungkusan tersebut, atau beberapa bungkusan, ada terkandung di dalamnya satu atau lebih bungkusan yang besar, bungkusan yang kecil atau setiap bungkusan yang kecil, mengikut mana yang berkenaan;

"jumlah rokok yang ditetapkan" bermakna—

(a) 20 batang rokok, jika jumlah lain rokok tidak dinyatakan di bawah perenggan (b); atau

(b) jumlah rokok sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Menteri, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Larangan ke atas penjualan dengan mesin layan diri.

5. (1) Tiada sesiapa pun boleh menempatkan, atau menyebabkan atau dengan mengetahui membenarkan untuk ditempatkan, di mana-mana premis suatu mesin layan diri yang mengandungi sebarang produk tembakau.

(2) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000 dan, dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000.

Larangan ke atas penjualan produk tembakau tiruan.

6. (1) Tiada sesiapa pun boleh membawa masuk, menjual atau menawarkan untuk jualan, sebarang konfeksioneri atau produk makanan lain, atau apa juu mainan atau barang lain, yang direka bentuk untuk menyerupai suatu produk tembakau atau yang dijual dalam suatu bungkusan yang direka bentuk untuk menyerupai bungkusan yang biasanya dikaitkan dengan produk tembakau.

(2) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000 dan, dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000.

Larangan ke atas promosi jualan.

7. (1) Tiada sesiapa pun boleh menjual atau menawarkan untuk jualan —

(a) apa-apa barang dengan sebarang produk tembakau sebagai suatu hadiah percuma;

(b) sebarang produk tembakau dengan apa-apa barang lain sebagai suatu hadiah percuma; atau

(c) sebarang produk tembakau yang dibungkus atau dilabel bersama ataupun selainnya bersama-sama dengan apa-apa barang lain.

(2) Tiada sesiapa pun boleh mengedarkan, atau memberi atau menyebabkan untuk diedarkan, atau memberi atau membantu dalam pengedaran atau pemberian, sebarang contoh percuma suatu produk tembakau kepada orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai, selain daripada orang-orang yang ada kaitan dengan atau terlibat dalam pengilangan, pengedaran atau penjualan produk tembakau.

(3) Tiada sesiapa pun boleh menawarkan atau memberi sebarang produk tembakau sebagai suatu hadiah dalam sebarang loteri, rafel, cabutan, permainan atau pertandingan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi ceraian (1), (2) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Larangan ke atas tajaan dll.

8. (1) Tiada sesiapa pun boleh di bawah sebarang kontrak, perjanjian, akujanji atau persefahaman, sama ada terikat di sisi undang-undang ataupun selainnya, dengan orang lain —

(a) mempromosikan suatu produk tembakau sebagai tukaran apa-apa tajaan, hadiah, ganjaran, upah, biasiswa atau faedah yang sama yang diberikan atau dipersetujui untuk diberikan oleh orang lain atau oleh mana-mana orang lain; atau

(b) memberi atau bersetuju untuk memberi apa-apa tajaan, hadiah, ganjaran, upah, biasiswa atau faedah yang sama sebagai tukaran mempromosikan suatu produk tembakau oleh orang lain.

(2) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Larangan ke atas pembekalan kepada orang-orang yang berumur 18 tahun ke bawah.

9. (1) Mana-mana orang yang, secara langsung atau tidak langsung —

(a) menjual kepada seseorang yang berumur 18 tahun ke bawah, sebarang produk tembakau;

(b) membeli atau mendapatkan sebarang produk tembakau bagi maksud memberikannya, sama ada untuk suatu balasan atau tidak, kepada seseorang yang berumur 18 tahun ke bawah; atau

(c) memberikan atau menyediakan sebarang produk tembakau kepada seseorang yang berumur 18 tahun ke bawah,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000 dan, dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000.

(2) Dalam sebarang prosiding kerana suatu kesalahan di bawah ceraian (1), adalah menjadi suatu pembelaan bagi orang yang dipertuduh itu untuk membuktikan bahawa dia —

(a) mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai dan ada membuat siasatan yang munasabah untuk memastikan bahawa orang yang kepadanya produk tembakau itu dijual, diberikan atau disediakan tidak berumur 18 tahun ke bawah; atau

(b) telah menerima daripada orang yang kepadanya produk tembakau itu dijual, diberikan atau disediakan keterangan yang dikatakan menunjukkan bahawa orang itu tidak berumur 18 tahun ke bawah, dan bahawa adalah munasabah untuk mempercayai dan dia ada menerima keterangan itu sebagai benar.

Kawalan merokok dll. oleh orang-orang yang berumur 18 tahun ke bawah.

10. (1) Mana-mana orang yang, berumur 18 tahun ke bawah, menghisap atau mengunyah sebarang produk tembakau di suatu tempat awam, atau membeli atau ada dalam milikannya, sama ada untuk kegunaannya sendiri atau tidak, sebarang produk tembakau, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$500 dan, dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000.

(2) Jika seseorang pegawai polis atau seseorang pegawai yang diberi kuasa mendapati di mana-mana tempat awam seseorang, yang disyaki dengan munasabah oleh pegawai itu sebagai berumur 18 tahun ke bawah, menghisap

atau mengunyah atau hendak menghisap atau mengunyah sebarang produk tembakau, pegawai itu boleh merampas sebarang produk tembakau yang ada dalam milikan orang itu.

Notis larangan.

11. (1) Tiap-tiap peniaga runcit hendaklah —

(a) menyebabkan untuk dipamerkan beberapa notis yang sesuai dan memadai yang mempunyai saiz atau saiz-saiz yang mencukupi di tempat yang mudah dilihat di dalam premis atau tempat di mana produk itu dijual, yang menyatakan bahawa penjualan sebarang produk tembakau kepada orang-orang yang berumur 18 tahun ke bawah adalah dilarang oleh undang-undang; dan

(b) jika diarahkan demikian oleh Ketua Pengarah, mempamerkan notis-notis tersebut di dalam premis atau tempat itu, mengungkapkannya dengan cara atau menyebakkannya dalam saiz, sebagaimana yang mungkin dianggap patut oleh Ketua Pengarah.

(2) Peniaga runcit itu boleh, tertakluk kepada sebarang arahan yang mungkin diberikan oleh Ketua Pengarah di bawah perenggan (b) ceraian (1), di samping notis-notis tersebut, menggunakan apa-apa cara, kaedah atau alat sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut untuk membawa larangan tersebut kepada perhatian orang ramai di dalam premis atau tempat itu.

(3) Seseorang peniaga runcit yang melanggar atau gagal mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000 dan, dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000.

(4) Bagi maksud bab ini, "peniaga runcit" bermakna seseorang yang menjual atau menawarkan untuk jualan sebarang produk tembakau secara runcit.

Kuasa untuk melesenkan pengimport dll.

12. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan peraturan-peraturan menghendaki mana-mana orang yang mengimport, mengedarkan, menjual atau menawarkan untuk jualan, membenarkan untuk dijual atau ditawarkan untuk jualan atau ada dalam milikannya untuk jualan, sebarang produk tembakau supaya dilesenkan oleh Ketua Pengarah.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2) Tanpa menjelaskan keluasan makna ceraian (1), Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan bagi atau berkenaan dengan —

- (a) jenis atau jenis-jenis lesen yang akan diberikan, borang dan tempoh lesen, syarat-syarat yang atasnya dan hal keadaan bagaimana lesen-lesen boleh diberikan, dipegang, digantung, dibatalkan, diubah, disambung, diperbaharui atau diganti dan bayaran yang kena dibayar berkaitan dengannya;
- (b) suatu daftar yang akan disimpan bagi lesen-lesen tersebut, butir-butir yang akan dimasukkan dalam daftar itu dan bagi penyiaran nama-nama pemegang lesen;
- (c) borang dan cara bagaimana suatu permohonan bagi atau pembaharuan suatu lesen boleh dibuat;
- (d) menghendaki maklumat atau jaminan sebagaimana yang dianggapnya perlu berkenaan dengan permohonan bagi pemberian atau pembaharuan suatu lesen;
- (e) menetapkan buku-buku, rekod-rekod atau akaun-akaun untuk disimpan oleh pemegang-pemegang lesen; dan
- (f) mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang dari peruntukan-peruntukan sebarang peraturan yang dibuat di bawah bab ini.

(3) Seseorang yang dikehendaki oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah ceraian (1) untuk dilesenkan, yang menjalankan sebarang aktiviti yang disebut dalam ceraian itu tanpa suatu lesen adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000 dan dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000.

Amaran kesihatan dan pelabelan.

13. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan peraturan-peraturan —

- (a) mengenakan kehendak-kehendak untuk memastikan bahawa produk tembakau sebagaimana yang mungkin dinyatakan di dalamnya ditanda, dilabel atau disertakan dengan apa jua amaran berhubung dengan kesihatan, maklumat atau penerangan sebagaimana yang mungkin ditetapkan; dan

(b) mengawal atau melarang pembekalan produk tembakau dalam hal jika kehendak-kehendak tersebut tidak dipatuhi.

(2) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi kehendak-kehendak yang dikenakan di bawah perenggan (a) ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

BAHAGIAN III

MEROKOK DI TEMPAT TERTENTU DAN KENDERAAN TERTENTU

Larangan merokok.

14. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Menteri, menentukan —

(a) mana-mana premis atau bangunan atau mana-mana bahagiannya atau mana-mana jenis premis atau bangunan atau mana-mana bahagiannya —

- (i) yang digunakan bagi maksud-maksud perdagangan, perindustrian atau rekreasi; atau
- (ii) di mana orang ramai atau golongan orang ramai mempunyai akses atau biasanya mempunyai akses sama ada dengan membuat suatu bayaran ataupun selainnya;

(b) mana-mana harta awam di mana-mana premis atau bangunan kediaman; atau

(c) mana-mana kenderaan perkhidmatan awam atau mana-mana bahagiannya atau mana-mana jenis kenderaan perkhidmatan awam atau mana-mana bahagiannya;

sebagai tempat atau kenderaan di mana merokok tidak dibenarkan sama ada secara tetap atau dalam masa atau bagi suatu tempoh atau di bawah hal keadaan sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Mana-mana orang yang merokok di mana-mana tempat tertentu atau kenderaan tertentu dengan melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000.

Notis larangan.

15. (1) Pengurus tiap-tiap tempat tertentu dan pengendali tiap-tiap kenderaan tertentu hendaklah —

(a) menyebabkan untuk dipamerkan beberapa notis yang sesuai dan memadai dengan saiz yang mencukupi di tempat yang mudah dilihat di dalamnya yang menyatakan bahawa merokok adalah dilarang oleh undang-undang; dan

(b) jika diarahkan demikian oleh Ketua Pengarah, mempamerkan notis-notis tersebut di tempat-tempat itu, mengungkapkannya dengan cara atau menyebabkannya dalam saiz, sebagaimana yang mungkin dianggap patut oleh Ketua Pengarah.

(2) Pengurus atau pengendali boleh, tertakluk kepada sebarang arahan yang mungkin diberikan oleh Ketua Pengarah di bawah perenggan (b) ceraian (1), di samping notis-notis tersebut, menggunakan apa-apa cara, kaedah atau alat sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut untuk membawa larangan tersebut kepada perhatian orang ramai di mana-mana tempat tertentu atau penumpang-penumpang di dalam mana-mana kenderaan tertentu.

(3) Mana-mana pengurus bagi mana-mana tempat tertentu atau mana-mana pengendali bagi mana-mana kenderaan tertentu yang melanggar atau gagal mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000.

Kewajipan-kewajipan pengurus dan pengendali.

16. (1) Pengurus mana-mana tempat tertentu atau pengendali mana-mana kenderaan tertentu boleh menghendaki mana-mana orang yang merokok di dalamnya yang melanggar sebarang pemberitahuan yang dibuat di bawah ceraian (1) bab 14 —

(a) untuk berhenti merokok dengan serta-merta, dengan menyatakan hukuman yang diperuntukkan di bawah ceraian (2) bab 14; dan

(b) jika orang itu enggan, lalai atau tidak berhenti merokok, dia boleh menghendaki orang itu untuk meninggalkan tempat tertentu atau kenderaan tertentu itu dengan serta-merta.

(2) Jika orang itu enggan meninggalkan tempat tertentu atau kenderaan tertentu itu atau berhenti merokok, pengurus atau pengendali itu hendaklah —

(a) meminta bantuan mana-mana pegawai polis atau pegawai yang diberi kuasa; dan

(b) memberi bantuan yang munasabah kepada pegawai tersebut untuk menangani orang itu dengan cara yang diperuntukkan dalam bab 24.

(3) Jika mana-mana orang merokok di dalam suatu tempat tertentu atau suatu kenderaan tertentu dengan melanggar sebarang pemberitahuan yang dibuat di bawah ceraian (1) bab 14, mana-mana orang lain yang tidak puas hati dengan orang yang merokok itu boleh membuat suatu aduan kepada pengurus tempat tertentu itu atau pengendali kenderaan tertentu itu dan adalah menjadi tanggungjawab pengurus atau pengendali itu —

(a) untuk mengambil segala langkah yang munasabah untuk menyiasat aduan itu; dan

(b) jika aduan itu didapati benar, untuk mengambil tindakan menurut ceraian (1) atau (2) terhadap orang yang merokok di dalam tempat atau kenderaan itu.

(4) Jika pengurus mana-mana tempat tertentu atau pengendali mana-mana kenderaan tertentu gagal atau lalai mematuhi peruntukan-peruntukan —

(a) ceraian (1) atau (2) berkenaan dengan mana-mana orang yang diketahuinya atau sepatutnya dengan munasabah diketahuinya merokok di dalam tempat atau kenderaan itu; atau

(b) ceraian (3) berkenaan dengan sebarang aduan yang diterima olehnya bahawa seseorang sedang merokok di dalam tempat atau kenderaan itu,

dengan melanggar sebarang pemberitahuan yang dibuat di bawah ceraian (1) bab 14, pengurus atau pengendali itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000 dan, dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$2,000.

(5) Bagi maksud-maksud ceraian (4), seseorang pengurus suatu tempat tertentu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, mempunyai pengetahuan yang disebut dalam ceraian itu jika seseorang yang berada di bawah jagaan atau pengawasannya dan yang diambil bekerja di tempat itu mengetahui bahawa seseorang sedang merokok di dalam tempat itu dengan melanggar suatu pemberitahuan yang dibuat di bawah ceraian (1) bab 14.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(6) Mana-mana orang yang mengadang, menghalang, mengancam, menganiaya, mengganggu atau menyerang mana-mana pengurus atau pengendali dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya di bawah bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$1,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

(7) Pengurus suatu tempat tertentu atau pengendali suatu kenderaan tertentu tidak bertanggungan untuk membayar balik atau mengembalikan sebarang bayaran atau balasan lain yang dibayar oleh seseorang bagi maksud mendapatkan kebenaran untuk memasuki tempat atau kenderaan itu jika orang itu telah dikehendaki untuk meninggalkan tempat atau kenderaan itu menurut ceraian (1).

(8) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menyentuh tanggungan mana-mana orang kerana suatu kesalahan di bawah ceraian (2) bab 14.

BAHAGIAN IV

KAWALAN IKLAN

Larangan ke atas iklan yang berkaitan dengan merokok.

17. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain, mana-mana orang yang —

- (a) mencetak, menyiarkan atau menyebabkan untuk dicetak atau disiarkan atau mengambil bahagian dalam penyiaran, sebarang iklan produk tembakau;
- (b) mempamerkan atau melekatkan, atau menyebabkan atau membenarkan untuk dipamerkan atau dilekatkan, suatu iklan tembakau;
- (c) menjual, atau menyebabkan atau membenarkan untuk dijual, apa-apa majalah, suratkhabar, filem atau pita video atau apa-apa benda lain yang mengandungi suatu iklan produk tembakau; atau
- (d) mengedarkan, atau menyebabkan atau membenarkan untuk diedarkan, sebarang iklan produk tembakau,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Menteri boleh membenarkan, bagi suatu tempoh masa dan atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut, penyiaran suatu iklan atau jenis iklan yang menyebut atau merujuk kepada jenama yang ada kaitan dengan atau nama atau nama perniagaan seseorang yang ada kaitan dengan atau terlibat dalam pengilangan, pengedaran atau pemasaran suatu produk tembakau bagi maksud mempromosi atau mengenalkan apa jua barang atau perkhidmatan yang tidak berkaitan dengan sebarang produk tembakau yang dikilang, diedarkan, dipasarkan atau dibekalkan oleh orang itu.

(3) Ceraian (2) tidak dikenakan kepada sebarang iklan atau jenis iklan yang, secara langsung atau tidak langsung, membawa kepada, mendorong, mendesak, mempromosi atau menggalakkan penggunaan sebarang produk tembakau bagi maksud merokok.

(4) Sebarang permohonan untuk mendapatkan kebenaran di bawah ceraian (2) hendaklah dibuat dalam borang dan dengan butir-butir sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri.

(5) Jika mana-mana orang gagal mematuhi sebarang syarat yang dikenakan di bawah ceraian (2), Menteri boleh membatalkan kebenaran yang berkenaan dengannya syarat itu dikenakan tanpa memberikan sebabnya.

Pembelaan.

18. Dalam sebarang prosiding kerana melanggar ceraian (1) bab 17, adalah menjadi suatu pembelaan bagi orang yang dituduh untuk membuktikan bahawa iklan yang dimaksudkan oleh prosiding itu telah disiarkan dalam hal keadaan bahawa dia tidak mengetahui dan tidak mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dia telah mengambil bahagian dalam penyiaran iklan itu.

Kesalahan-kesalahan oleh pemilik dan penghuni.

19. Mana-mana orang sebagai pemilik atau penghuni mana-mana premis atau tempat di mana orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai mempunyai akses, dengan membuat bayaran ataupun selainnya, yang dengan mengetahui membenarkan atau membiarkan premis atau tempat itu atau mana-mana bahagiannya untuk dipakai atau digunakan bagi penyiaran sebarang iklan dengan melanggar ceraian (1) bab 17 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Anggapan berkenaan dengan dokumen bercetak.

20. Jika sebarang notis, poster, risalah, brosur atau dokumen bercetak lain, yang mengandungi suatu iklan produk tembakau yang telah disiarkan, didapati ada dalam milikan atau di dalam premis yang diduduki oleh mana-mana orang yang ada kaitan atau terlibat dalam pengilangan, pengedaran atau pemasaran sebarang produk tembakau yang ada kaitan dengan atau berkenaan dengan nama jenama, nama perniagaan atau tanda perniagaan yang disebutkan atau digambarkan dalam iklan itu, dia hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah dengan mengetahui mengambil bahagian dalam penyiaran iklan itu dengan melanggar ceraian (1) bab 17.

Iklan dalam suratkhabar yang disiarkan di luar Negara Brunei Darussalam.

21. (1) Bahagian ini tidak dikenakan kepada sebarang iklan produk tembakau yang terkandung dalam mana-mana suratkhabar yang dicetak atau disiarkan di luar Negara Brunei Darussalam dan yang dibawa masuk ke Negara Brunei Darussalam untuk dijual, diedarkan secara percuma atau kegunaan persendirian, selain dari suatu suratkhabar dari jenis atau perihalan yang dinyatakan oleh Menteri dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Dengan tidak menghiraukan ceraian (1), tiada sesiapa pun boleh mengedarkan atau membekalkan atau menyebabkan untuk diedarkan atau dibekalkan, sama ada secara percuma ataupun selainnya, sebarang suratkhabar atau bahan bercetak yang mengandungi sebarang iklan produk tembakau yang dicetak atau disiarkan di luar Negara Brunei Darussalam dan yang dibawa masuk ke Negara Brunei Darussalam, jika suratkhabar atau bahan bercetak tersebut —

(a) menjadi sebahagian dari, atau tambahan kepada, sebarang suratkhabar yang dicetak atau disiarkan di dalam Negara Brunei Darussalam; dan

(b) dibekalkan atau diedarkan kepada mana-mana pembeli atau pelanggan sebarang suratkhabar yang dicetak atau disiarkan di dalam Negara Brunei Darussalam, sama ada atau tidak suratkhabar atau bahan bercetak yang mula-mula disebutkan itu dibekalkan atau diedarkan pada masa yang sama dengan, atau berserta dengan, suratkhabar yang dicetak atau disiarkan di dalam Negara Brunei Darussalam.

(3) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi ceraian (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Iklan yang tidak dikecualikan.

22. Tiada sebarang apa pun dalam ceraian (1) bab 21 boleh ditafsirkan sebagai mengecualikan dari peruntukan-peruntukan Perintah ini sebarang iklan produk tembakau yang terkandung dalam sebarang notis, surat keliling, risalah, brosur atau bahan bercetak atau dokumen lain yang bukan suatu suratkhabar dalam makna Perintah ini dan yang dicetak atau disiarkan di luar Negara Brunei Darussalam dan dibawa masuk ke Negara Brunei Darussalam untuk diedarkan semata-mata atau terutamanya bagi maksud untuk memberitahu atau memperakukan mutu sebarang jenama produk tembakau.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

Lantikan pegawai yang diberi kuasa.

23. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, melantik mana-mana orang untuk menjadi seorang pegawai yang diberi kuasa bagi maksud-maksud Perintah ini.

(2) Pada menjalankan kuasa-kuasanya dan dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini, seseorang pegawai yang diberi kuasa hendaklah mematuhi arahan sebagaimana yang mungkin diberikan kepadanya oleh Ketua Pengarah.

Kuasa polis dan pegawai yang diberi kuasa.

24. (1) Mana-mana orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai polis atau pegawai yang diberi kuasa dan dikemukakan di hadapan sesebuah mahkamah.

(2) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis yang lain, mana-mana pegawai polis atau pegawai yang diberi kuasa yang, setelah melakukan suatu tangkapan menurut ceraian (1), berpuashati tentang identiti, nama dan tempat tinggal orang yang ditangkap itu boleh, sebagai ganti mengemukakan orang itu di hadapan sesebuah mahkamah atau kepada sesebuah balai polis, menyampaikan kepadanya suatu notis dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan di bawah bab 36 yang menghendakinya untuk hadir di mahkamah tersebut, pada masa dan tarikh sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam notis itu.

(3) Bagi maksud memuaskan hatinya tentang identiti orang yang ditangkap itu, pegawai polis atau pegawai yang diberi kuasa itu boleh menghendaki

keterangan mengenai identiti sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu untuk diberikan oleh orang itu.

(4) Satu salinan notis yang disampaikan di bawah ceraian (2) hendaklah disediakan oleh pegawai polis atau pegawai yang diberi kuasa itu dan dikemukakan olehnya kepada mahkamah itu jika dikehendaki demikian oleh mahkamah itu.

(5) Jika orang yang kena tuduh hadir di hadapan sesebuah mahkamah menurut suatu notis yang disampaikan di bawah ceraian (2), mahkamah itu hendaklah mengambil tahu akan kesalahan yang diperkatakan dan hendaklah mengambil tindakan selanjutnya seolah-olah dia telah dikemukakan di hadapan mahkamah itu di bawah ceraian (1).

(6) Jika seseorang yang kepadanya suatu notis telah disampaikan di bawah ceraian (2) gagal hadir di hadapan mahkamah itu menurut notis tersebut, mahkamah itu boleh mengeluarkan suatu waran bagi penangkapannya.

(7) Jika seseorang yang ditangkap menurut suatu waran yang dikeluarkan di bawah ceraian (6) dikemukakan di hadapan sesebuah mahkamah, mahkamah itu hendaklah —

(a) mengambil tindakan selanjutnya seolah-olah dia telah dikemukakan di hadapan mahkamah itu di bawah ceraian (1); dan

(b) pada penutup prosiding tersebut, memintanya untuk memberikan sebab kenapa dia tidak patut dihukum kerana gagal hadir bagi mematuhi notis yang disampaikan di bawah ceraian (2).

(8) Jika sebab yang sewajarnya tidak diberikan oleh orang itu di bawah ceraian (7), mahkamah itu boleh memerintahkannya untuk membayar suatu denda tidak melebihi dari \$2,000 atau boleh memasukkannya ke dalam penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu bulan.

(9) Berkennaan dengan suatu kesalahan di bawah Perintah ini, seseorang pegawai yang diberi kuasa hendaklah mempunyai kuasa-kuasa untuk menyiasat sama seperti seorang pegawai polis di bawah Penggal XIII Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7).

Kuasa untuk memasuki dll.

25. (1) Ketua Pengarah, mana-mana pegawai polis dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh, pada setiap waktu yang munasabah, menjalankan kuasa-kuasa yang berikut—

(a) bagi maksud memastikan sama ada sebarang kesalahan di bawah Perintah ini telah dilakukan, memeriksa sebarang iklan, produk tembakau, produk tembakau tiruan atau mesin layan diri dan memasuki mana-mana premis perniagaan;

(b) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Perintah ini telah dilakukan, menghendaki mana-mana orang yang menjalankan suatu perdagangan atau perniagaan atau yang diambil bekerja berhubung dengan suatu perdagangan atau perniagaan untuk menunjukkan apa-apa barang yang berkaitan dengan perdagangan atau perniagaan itu dan mengambil salinan-salinan, atau apa jua catatan dalam, apa-apa barang tersebut;

(c) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Perintah ini telah dilakukan, merampas dan menahan sebarang iklan, produk tembakau, produk tembakau tiruan atau mesin layan diri bagi maksud memastikan, dengan menguji ataupun selainnya, sama ada kesalahan itu telah dilakukan;

(d) merampas dan menahan sebarang iklan, produk tembakau, produk tembakau tiruan, mesin layan diri atau dokumen yang dia mempunyai alasan untuk mempercayai boleh dikehendaki sebagai keterangan dalam prosiding kerana suatu kesalahan di bawah Perintah ini; dan

(e) bagi maksud menjalankan kuasa-kuasanya di bawah ceraian ini untuk merampas sebarang iklan, produk tembakau, produk tembakau tiruan atau mesin layan diri, tetapi hanya jika dan setakat mana yang diperlukan dengan munasabah bagi memastikan bahawa peruntukan-peruntukan Perintah ini telah dipatuhi, menghendaki mana-mana orang yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian untuk memecah buka apa-apa bekas atau membuka mana-mana mesin layan diri dan, jika orang itu tidak mematuhi kehendak tersebut, dia boleh melakukannya sendiri.

(2) Ketua Pengarah, mana-mana pegawai polis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh, jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan terhadap ceraian (1) bab 17 telah dilakukan berkaitan dengan suatu iklan produk tembakau —

(a) menghendaki orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu untuk memindahkan iklan tersebut dari pandangan orang ramai; dan

(b) jika orang itu gagal berbuat demikian, menyebabkan supaya iklan tersebut dipindahkan.

(3) Orang yang disebut dalam ceraian (2) adalah bertanggungan untuk membayar kepada Ketua Pengarah kos pemindahan yang munasabah dan

pembuangan iklan, kos tersebut boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

(4) Pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah bab ini, Ketua Pengarah, mana-mana pegawai polis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa hendaklah —

(a) apabila merampas sebarang iklan, produk tembakau, produk tembakau tiruan, mesin layan diri atau dokumen, memberitahu orang yang daripadanya ia dirampas mengenai rampasan tersebut; dan

(b) dalam hal produk tembakau yang dirampas dari suatu mesin layan diri, memberitahu orang yang nama dan alamatnya dinyatakan dalam mesin itu sebagai tuanpunyanya atau, jika nama dan alamat tiada dinyatakan, penghuni premis di mana mesin itu terletak atau dilekatkan.

(5) Ketua Pengarah, mana-mana pegawai polis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang memasuki mana-mana premis menurut bab ini boleh membawa bersamanya orang-orang lain dan kelengkapan yang mungkin pada pendapatnya diperlukan.

Kuasa untuk menghendaki supaya produk tembakau diuji atau dianalisa dan memberikan maklumat.

26. (1) Mana-mana orang yang menjalankan suatu perdagangan atau perniagaan yang mengandungi atau termasuk pengilangan, pengedaran, pengimportan atau penjualan sebarang produk tembakau atau produk tembakau tiruan hendaklah —

(a) membekalkan secara percuma kepada Ketua Pengarah, mana-mana pegawai polis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa contoh-contoh sebarang produk tembakau atau sebarang produk tembakau tiruan sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Ketua Pengarah, pegawai polis atau pegawai yang diberi kuasa itu bagi maksud menguji, menganalisa atau menyiasat; dan

(b) memberikan kepada Ketua Pengarah, pegawai polis atau pegawai yang diberi kuasa itu maklumat sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Ketua Pengarah, pegawai polis atau pegawai yang diberi kuasa itu berkaitan dengan produk tersebut.

(2) Mana-mana orang yang terlibat atau mengambil bahagian dalam pengimportan, pengedaran, penjualan atau pembekalan sebarang suratkhabar yang dicetak atau disiarkan di luar Negara Brunei Darussalam hendaklah memberikan kepada Ketua Pengarah, seseorang pegawai polis atau pegawai yang diberi kuasa maklumat sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Ketua

Pengarah, atau pegawai polis atau pegawai yang diberi kuasa itu berkaitan dengan suratkhabar tersebut.

Notis ujian dan cadangan untuk mendakwa.

27. Jika sebarang produk tembakau atau produk tembakau tiruan yang dirampas di bawah Perintah ini dikemukakan untuk suatu ujian, Ketua Pengarah hendaklah —

(a) jika produk itu dirampas, memberitahu orang yang disebutkan dalam ceraian (4) bab 25 mengenai hasil ujian tersebut;

(b) jika produk itu dibeli dan ujian tersebut membawa kepada permulaan prosiding kerana suatu kesalahan di bawah Perintah ini, memberitahu orang yang daripadanya produk itu dibeli atau, dalam hal suatu produk yang dijual melalui suatu mesin layan diri, orang yang disebutkan dalam ceraian (4) bab 25 mengenai hasil ujian tersebut; dan

(c) jika akibat dari ujian tersebut prosiding kerana suatu kesalahan di bawah Perintah ini dimulakan terhadap mana-mana orang, membenarkannya supaya produk itu diuji bagi pihaknya jika boleh berbuat demikian dengan munasabah.

Perlucutan hak.

28. (1) Sebarang iklan, produk tembakau, produk tembakau tiruan atau mesin layan diri yang dirampas pada menjalankan sebarang kuasa yang diberikan di bawah Perintah ini boleh dilucut hak.

(2) Suatu perintah bagi perlucutan hak atau bagi pelepasan sebarang iklan, produk atau mesin layan diri yang dirampas pada menjalankan sebarang kuasa yang diberikan oleh Perintah ini hendaklah dibuat oleh mahkamah yang dihadapannya pendakwaan berhubung dengannya telah dimulakan.

(3) Suatu perintah bagi perlucutan hak ke atas iklan, produk tembakau, produk tembakau tiruan atau mesin layan diri boleh dibuat jika terbukti sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa —

(a) suatu kesalahan di bawah Perintah ini telah dilakukan; dan

(b) iklan, produk tembakau, produk tembakau tiruan atau mesin layan diri itu adalah menjadi hal-perkara atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan tersebut,

walaupun seseorang itu mungkin tiada disabitkan atas kesalahan tersebut.

(4) Jika pendakwaan tiada dimulakan berkaitan dengan sebarang iklan, produk tembakau, produk tembakau tiruan atau mesin layan diri yang dirampas pada menjalankan sebarang kuasa yang diberikan oleh Perintah ini, maka iklan, produk atau mesin layan diri itu hendaklah dilucut menjadi hak Kerajaan pada tamat tempoh satu bulan dari tarikh rampasan tersebut, melainkan jika suatu tuntutan terhadapnya dibuat sebelum tempoh itu menurut ceraian (5).

(5) Seseorang yang mengatakan bahawa dia adalah pemilik sebarang iklan, produk tembakau, produk tembakau tiruan atau mesin layan diri yang dirampas dan bahawa iklan, produk tembakau, produk tembakau tiruan atau mesin layan diri itu tidak boleh dilucut hak boleh, atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan sendiri notis bertulis kepada Ketua Pengarah bahawa dia menuntutnya.

(6) Setelah menerima notis tersebut, Ketua Pengarah boleh mengarahkan bahawa iklan, produk tembakau, produk tembakau tiruan atau mesin layan diri itu dilepaskan atau boleh merujukkan perkara tersebut kepada mahkamah bagi keputusannya.

(7) Atas suatu rujukan yang dibuat kepadanya di bawah ceraian (6), mahkamah hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemilik dan orang yang daripadanya barang itu dirampas untuk hadir di hadapan mahkamah dan hendaklah terus memeriksa perkara tersebut.

(8) Atas bukti bahawa suatu kesalahan terhadap Perintah ini telah dilakukan dan bahawa barang itu adalah menjadi hal-perkara atau telah digunakan dalam melakukan sebarang kesalahan tersebut, mahkamah hendaklah memerintahkannya untuk dilucut menjadi hak Kerajaan walaupun seseorang itu tiada mungkin disabitkan atas kesalahan itu atau boleh, sekiranya bukti tersebut tidak ada, memerintahkan pelepasannya.

(9) Semua barang yang dilucut hak hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah dan hendaklah dilupuskan menurut arahan Menteri.

Menghalang pegawai.

29. (1) Mana-mana orang yang —

(a) dengan sengaja menghalang Ketua Pengarah, mana-mana pegawai polis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang bertindak menurut Perintah ini;

(b) dengan sengaja gagal mematuhi sebarang kehendak di bawah bab 26 yang sempurna dibuat kepadanya oleh Ketua Pengarah, mana-mana pegawai polis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa; atau

(c) tanpa sebab yang munasabah, gagal memberikan kepada Ketua Pengarah, mana-mana pegawai polis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa sebarang bantuan, maklumat atau dokumen lain yang mungkin dikehendaki dengan munasabah oleh Ketua Pengarah, pegawai polis atau pegawai yang diberi kuasa itu bagi maksud melaksanakan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang, dalam memberikan sebarang maklumat yang disebutkan dalam ceraian (1), membuat sebarang pernyataan yang diketahuinya sebagai palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

BAHAGIAN VI

AM

Kesalahan-kesalahan oleh badan korporat.

30. (1) Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini yang telah dilakukan oleh suatu badan korporat dibuktikan telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan oleh sebarang pengabaian di pihak, seseorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang sama badan korporat itu, atau seseorang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut, maka dia, dan juga badan korporat itu, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(2) Berkenaan dengan suatu badan korporat yang urusannya diurus oleh ahli-ahlinya, "pengarah", dalam ceraian (1), bermakna mana-mana ahli badan korporat itu.

Komposisi kesalahan.

31. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya secara bertulis bagi maksud itu boleh, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang dianggap patut untuk dikenakan olehnya, mengkompaun sebarang kesalahan di bawah Perintah ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi dari \$500.

(2) Setelah mematuhi sebarang syarat tersebut dan setelah membayar jumlah wang tersebut, prosiding selanjutnya tidak boleh diambil terhadap orang itu berkaitan dengan kesalahan itu.

(3) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan cara serta prosedurnya.

(4) Jika orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini berumur 18 tahun ke bawah pada masa kesalahan yang diperkatakan itu, suatu syarat yang boleh dikenakan di bawah ceraian (1) dalam mengkompaun kesalahan itu termasuk menghendaki orang itu dan ibu atau bapa atau penjaganya untuk hadir di suatu tempat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Ketua Pengarah bagi maksud kaunseling.

Kekebalan dari guaman.

32. Tiada tindakan, guaman atau prosiding lain boleh dibawa atau dimulakan di dalam mana-mana mahkamah terhadap mana-mana pihak kepada suatu kontrak kerana gagal, mengabaikan atau enggan menyiarkan sebarang iklan produk tembakau, hal-perkara kontrak tersebut, jika kegagalan, pengabaian atau keengganan tersebut adalah semata-mata disebabkan oleh, atau berpunca dari, permulaan kuatkuasa Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis yang meminda Perintah ini, tetapi tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menjelaskan kuatkuasa sebarang undang-undang berhubung dengan kekecewaan kontrak.

Batasan liabiliti.

33. Tiada tindakan boleh dibawa terhadap Ketua Pengarah, mana-mana pegawai polis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa berkaitan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh mana-mana daripada mereka dengan suci hati pada menjalankan, melaksanakan atau dikatakan pada menjalankan atau melaksanakan, sebarang kuasa atau kewajipan di bawah Perintah ini.

Borang-borang.

34. Ketua Pengarah boleh menentukan borang-borang sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut bagi sebarang maksud Perintah ini, dan boleh menghendaki mana-mana orang untuk mengisikan mana-mana borang itu bagi sebarang maksud tersebut.

Pengecualian.

35. (1) Menteri boleh, sama ada pada amnya atau dalam sebarang hal tertentu, dan bagi tempoh sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut, mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang, atau mana-mana tempat atau jenis tempat, atau mana-mana kejadian atau peristiwa atau jenis kejadian atau peristiwa, atau mana-mana objek atau barang atau jenis objek atau barang, dari semua atau sebarang peruntukan Perintah ini.

(2) Dalam memberikan sebarang pengecualian tersebut, Menteri boleh mengenakan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut.

Peraturan-peraturan.

36. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan sebarang perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 13 haribulan Jun, 2005 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**